

**Muhyiddin, 3 lain mohon batal saman cabar pemecatan Dr M**

**Malaysiakini**

**18 June 2020**

**Hidir Reduan Abdul Rashid**

Perdana menteri yang juga Presiden Bersatu, Muhyiddin Yassin dan tiga yang lain mengemukakan permohonan untuk mengeneipkan saman yang mencabar pemecatan Dr Mahathir Mohamad dan lima yang lain dari parti itu.

Peguam Rosli Dahlan berkata permohonan itu dikemukakan semalam dengan alasan bahawa tindakan undang-undang itu sebagai remeh, bersifat skandal dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Selain Muhyiddin, tiga orang lain yang ingin mengeneipkan tindakan undang-undang itu adalah: Menteri Dalam Negeri dan Setiausaha Agung Bersatu Hamzah Zainuddin; Setiausaha Eksekutif Bersatu, Muhammad Suhaimi Yahya; dan Ketua Pengarah Pendaftar Pertubuhan (ROS) Masyati Abang Ibrahim.

Rosli mewakili Muhyiddin, Hamzah, dan Suhaimi.

Rosli mendakwa bahawa saman utama mempunyai banyak kejanggalan dari segi undang-undang dan fakta, sehingga menjadikan keseluruhan saman itu tempang.

Peguan itu mendakwa bahawa antara kejanggalan itu adalah bahawa Mahathir dan lima yang lain, melalui tingkah laku dan surat, telah meninggalkan parti itu.

Lima yang lain ialah bekas timbalan presiden parti Mukhriz Mahathir, bekas ketua pemuda parti itu Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, bekas anggota Majlis Tertinggi Maszlee Malik, Amiruddin Hamzah dan bekas setiausaha agung Marzuki Yahya.

Dr Mahathir dan lima yang lain adalah plaintif yang telah mengemukakan tindakan undang-undang terhadap pemecatan mereka sebagai anggota Bersatu.

Saman utama itu menamakan Muhyiddin, Hamzah, Suhaimi, dan Masyati sebagai defendan.

Rosli menunjukkan contoh seperti surat bertarikh 24 Februari yang menyebutkan bahawa Mahathir telah meletakkan jawatan sebagai pengerusi Bersatu.

"Mereka mengatakan bahawa mereka masih ahli parti tetapi bagaimana anda

menjadi ahli parti sedangkan melalui surat itu, anda sudah tinggalkan parti," kata Rosli.

"Saman seperti ini sembrono, bersifat skandal dan menyalahgunakan mahkamah," katanya.

Dia juga berkata bahawa permohonan untuk mengeneipkan saman itu akan dikemukakan untuk perbicaraan di hadapan hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Rohani Ismail pada 9 Julai.

Rosli juga menambah bahawa pada 9 Julai juga, mahkamah akan mendengar permohonan defendan untuk memadam Bersatu sebagai plaintif ketujuh yang disenaraikan dalam saman utama, kerana didakwa tidak betul secara prosedur.

Ketika ditemui selepas prosiding hari ini, peguam Mahathir, Mohamed Haniff Khatri mengesahkan bahawa defendan telah mengemukakan permohonan membatalkan saman tersebut.

Sementara itu, Haniff juga mengatakan bahawa pendengaran awal yang dijadualkan hari ini mengenai permohonan injunksi sementara terhadap defendan harus ditangguhkan hingga 9 Julai kerana defendan memerlukan masa untuk menjawab permohonan injunksi.

Hari ini pada mulanya ditetapkan untuk mendengar permohonan injuksi sementara untuk mempertahankan status quo semua pihak dalam masalah tersebut, sementara menunggu penyelesaian undang-undang utama terhadap pemecatan plaintif dari Bersatu.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/530727>